

# Mahathir: Bakal PM yang berbeza

MM - 5 JUL 1981

**HANYA** takdir sahaja yang dapat mengubah andaian semua rakyat sekarang ini yang Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad adalah bakal Perdana Menteri, dan akan menjadi Perdana Menteri keempat bagi 13 juta rakyat Malaysia.

Apabila beliau melangkah ke satu tapak lagi dari kerusi yang didudukinya sekarang, tidak ada spekulasi yang akan berlaku. Semua orang sudah tahu bahawa beliau adalah yang akan menduduki kerusi nombor satu itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah banyak kali memegang jawatan Perdana Menteri. Kali pertama ialah apabila Datuk Hussein Onn melawat Russia pada tahun 1979.

Paling lama tempoh beliau memegang ialah apabila Datuk Hussein menjalani pembedahan coronery by-pass di London hinggalah beberapa lama selepas Datuk Hussein kembali. Jadi idea yang beliau akan menjadi Perdana Menteri bukanlah suatu yang baru lagi.

Akan tetapi perlantikan beliau menjadi Perdana Menteri kelak adalah merupakan satu era baru bagi corak kepimpinan di Malaysia, me-

mandangkan diri beliau sendiri mempunyai banyak perbezaan dari ke tiga-tiga Perdana Menteri terdahulu.

Perlantikan beliau nanti akan menjadikan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia yang pertama berkelulusan dalam negeri. Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Razak dan juga Datuk Hussein Onn adalah intelek yang menerima pendidikan di Britain.

Sementara Datuk Sri Dr. Mahathir ialah intelek yang berkelulusan dari Universiti Malaya, Singapura. Pengalaman latar belakang ini tidak dapat lagi disangkal akan mempengaruhi corak pemikiran beliau.

Tidak hairan jika beliau dengan lantang mengecam orang-orang Barat di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa

Bersatu dengan mengatakkan kelemahan ekonomi Barat sekarang ialah disebabkan oleh mereka

malas bekerja dan tidak mahu meninggikan keluaran mereka lagi.

Pendiriannya yang begitu "blunt" terhadap Barat, barangkali menimbulkan sedikit "takut" di kalangan orang-orang Barat, sekali pun beliau telah memperlihatkan kepercayaan mendalamnya terhadap sistem pasaran bebas menerusi rombongan menggalakkan pelaburan yang diketuainya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga merupakan Perdana Menteri pertama yang tidak berkelulusan undang-undang, sebaliknya beliau berke-lulusan perubatan. Hal ini juga sedikit sebanyak mencorakkan sikap serta tindak tanduknya.

## Diplomasi

Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Razak lebih bersikap diplomasi dalam bebera-

pa hal, kerana profesion mereka turut mempengaruhi. Sifat Datuk Hussein lebih dipengaruhi oleh latihan tentera yang diterimanya dari pelajaran undang-undang beliau. Sebab itulah beliau bersikap telalu berhati-hati dan sentiasa menimbang dengan sangat teliti sebelum membuat sesuatu keputusan.

Berlainan dengan Datuk Sri Dr. Mahathir, sebagai seorang doktor, beliau kerap kali didorong oleh keadaan yang meminta beliau membuat keputusan dengan cepat.

"Sama ada seorang pesakit itu hendak di-bedah atau tidak, beliau mesti memutuskan dengan seberapa segera. Jadi sikap 'bedah dahulu kemudian baru diatasi segala kemungkinan yang akan timbul' lebih mempengaruhi Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Sifat beliau ini dapat dilihat semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran. Apabila para pelajar berdemonstrasi hingga dianggap boleh membawa akibat yang lebih buruk kepada negara, beliau mengambil keputusan mengenakan Akta Universiti dan Universiti Kolej, 1975.

Apabila beliau yakin akta boleh menyembuhkan penyakit pelajar-pelajar beliau berusaha melahirkan akta ini, sekali pun banyak pihak termasuk para pelajar sendiri membantah.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga kelak akan menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama datangnya bukan dari istana dan bukan pula anak orang kenamaan.

Sebaliknya beliau berasal dari keluarga biasa. Beliau merupakan generasi pertama dalam keluarganya yang membina nama sendiri. Bapa beliau bukanlah orang besar istana di Kedah.

Ini berbeza dengan Tunku Abdul Rahman yang datang dari Istana Anak Bukit, anak kepada Sultan Kedah dan dibesarkan dalam suasana serba mewah.

Allahyarham Tun Razak dan Datuk Hussein Onn bukanlah anak raja. Tetapi mereka adalah anak orang-orang kenamaan istana yang juga dibesarkan dalam lingkungan istana dan membawa nama keluarga yang sudah terkenal di kalangan masyarakat.

Bapa Allahyarham Tun Razak ialah orang kenamaan Pahang, sementara Datuk Hussein Onn Jaafar ialah kalangan atasan yang sentiasa berdamping rapat dengan Istana Jobor.

Ini menjadikan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri pertama yang berasal dari rakyat biasa.

Barangkali latar belakang keluarga begini menjadikan beliau seorang yang kontroversial dalam beberapa tindak tanduknya, termasuk selalu memberi pendapat yang berterus terang tanpa memikirkan apa yang akan menimpa dirinya.

**Surat**

Surat terbuka beliau yang mengkritik Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa 13 Mei hingga beliau dipecat dari UMNO adalah bukti yang jelas. Demikian juga dengan kelahiran buku The Malay Dilemma karangannya yang hingga kini masih diharamkan.

Hukuman yang dikenakan oleh Tunku Abdul Rahman kepada beliau itu menjadikan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai satu-satunya Perdana Menteri yang pernah dipecat dari UMNO, dan kemudiannya diterima kembali.

Datuk Hussein Onn pernah keluar (bukannya dipecat) dari UMNO semasa mengikuti langkah Datuk Onn meninggalkan UMNO dalam krisis mengenai keahlian bukan Melayu dalam

parti itu. Jika dibandingkan dengan ketiga-tiga Perdana Menteri terdahulu, Datuk Sri Dr. Mahathir akan merupakan Perdana Menteri yang paling banyak mengalami "turun-naik" dalam UMNO.

Selain dari pernah dipecat, beliau juga nanti akan menjadi Perdana Menteri pertama yang pernah kalah dalam pilihanraya. Beliau kalah di tangan Haji Yusof Rawa, calon PAS dalam pilihanraya umum tahun 1969.

Pengalaman beliau ini sudah tentu menjadi contoh tauladan yang paling baik kepada para pemimpin yang ada dan juga akan datang, terutamanya kepada pemimpin yang sentiasa berpindah parti apabila sahaja terkeluar dari parti.

**Harta**

Berbeza dengan Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau tetap tidak mengubah pendiriannya dan kasihnya pada UMNO, sebaliknya beliau terus menunggu untuk kembali kepada parti asalnya.

Pengalaman 'naik-turun' beliau ini sudah tentu merupakan harta yang tidak ternilai harganya kepadanya pada hari ini, lebih-lebih lagi apabila beliau menduduki kerusi Perdana Menteri.

Hanya beliau sah satu-satunya pemimpin nombor satu kelak yang memahami sepenuhnya erti sebenar 'dipecat' dan 'kalah dalam pilihanraya'.

Pengunduran Datuk

Hussein Onn telah menempah sejarah kepada UMNO kerana sebelum ini belum ada seorang pun Presiden UMNO yang mengumumkan tidak akan bertanding lagi mempertahankan kerusi presiden.

Dengan pengunduran ini, Datuk Sri Dr. Mahathir akan didorong setapak lagi ke atas. Hingga perlantikan rasmi beliau kelak, beliau adalah satu-satunya Perdana Menteri yang naik dalam situasi demikian.

Sebagai Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman mempunyai kedudukan istimewa dan unik. Tetapi Allahyarham Tun Razak telah memangku jawatan Presiden UMNO beberapa lama selepas perletakan jawatan oleh Tunku.

Datuk Hussein Onn pula memangku jawatan Presiden UMNO selama 31 bulan, sebelum dipilih menjadi presiden. Tetapi Datuk Sri Dr. Mahathir akan menjadi presiden sekiranya beliau menang, tanpa mengalami tempoh memangku.

Satu lagi perbezaan yang akan didapati apabila beliau menjadi Perdana Menteri kelak ialah Wanita Pertama adalah seorang doktor, taraf kelulusan yang sama dengan Perdana Menteri sendiri.

Dari perbezaan yang dimiliki oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, beliau kelak akan mempunyai satu persamaan dengan ketiga-tiga Perdana Menteri terdahulu iaitu mempunyai stail dan cara tersendiri baik dari segi jalan bertikir mahu pun cara bertindak.

Namun kesemua pemimpin Malaysia tidak akan perual lari dari memperjuangkan matlamat yang sama iaitu melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu padu, negara membangun yang makmur, politik yang stabil dan melahirkan negara yang aman damai.